

*Untuk Siaran Segera*

**13 JUN 2025**

## TRAGEDI KEMALANGAN BAS PELAJAR UPSI: MRL SALUR BANTUAN KEWANGAN KEPADA WARIS MANGSA DI BESUT

**Besut, Terengganu, 13 Jun:** Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) semalam telah menyalurkan sumbangan wang tunai sebanyak RM2,000 kepada setiap 15 waris mangsa pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terkorban dalam tragedi kemalangan bas di kilometer 53, Jalan Raya Timur-Barat (JRTB), Gerik, Perak awal pagi Isnin lalu.

Ahli Lembaga Pengarah MRL, Yahaya Abdullah, bersama Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak dan warga kerja syarikat telah meluangkan masa menziarahi keluarga mangsa yang menetap di daerah Besut serta menyampaikan sumbangan bantuan wang tunai sebanyak RM2,000 setiap keluarga bertujuan untuk meringankan beban keluarga yang kehilangan insan tersayang dalam tragedi berkenaan.

Pihak MRL turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga semua mangsa yang terkesan dan berdoa agar mereka diberi kekuatan serta ketabahan dalam menghadapi ujian berat ini.

Menurut laporan media, seramai 42 pelajar UPSI sedang dalam perjalanan pulang dari Jertih, Terengganu menuju ke kampus universiti di Tanjung Malim, Perak apabila bas yang mereka naiki telah bertembung dengan sebuah kenderaan Perodua Alza. Tragedi tersebut telah meragut 15 nyawa pelajar UPSI, menjadikannya antara insiden kemalangan jalan raya paling tragik membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi.

Selaku pemilik Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), MRL komited meneruskan inisiatif menyantuni serta meringankan beban keluarga yang ditimpa musibah, golongan kurang berkemampuan, dan rumah anak-anak yatim yang khususnya terletak di lokasi berhampiran jajaran ECRL.

Sebagai makluman, jajaran ECRL di negeri Terengganu merangkumi pembinaan enam (6) buah stesen termasuk Stesen Jerteh di Kampung Alur Keladi yang bakal membawa manfaat kepada penduduk daerah Besut. Negeri Terengganu kini mencatatkan kemajuan pembinaan ECRL sebanyak 91.26 peratus setakat Mei 2025.

-Tamat-